

MALAYSIA

Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

14hb April 1983


TAMBAHAN No. 19
AKTA

Jil. 27
No. 8

Naskah bahasa kebangsaan bagi undang-undang
semakan yang berikut adalah dengan ini diterbitkan
untuk makluman umum:

The national language text of the following revised
law is hereby published for general information:

No.	Tajuk ringkas
Akta 215 ...	Akta Pendaftaran Paten United Kingdom 1951



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 215

**AKTA PENDAFTARAN PATEN UNITED
KINGDOM 1951**

(Disemak—1978)



Disemak hingga 31hb Mac 1978

Tarikh yang ditetapkan untuk
mula berkuatkuasa 15hb November 1978

Tarikh disiarkan dalam *Warta* 26hb Oktober 1978

AKTA PENDAFTARAN PATEN UNITED
KINGDOM 1951

(Disemak—1978)

Dikanun dalam tahun 1951 sebagai Ordinan No. 9 Tahun 1951.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 215

AKTA PENDAFTARAN PATEN UNITED KINGDOM 1951

(Disemak—1978)

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan pemakaian.
2. Tafsiran.
3. Permohonan bagi pendaftaran di Malaysia Barat paten yang diberi di United Kingdom.
4. Dokumen yang mesti disertakan dengan permohonan.
5. Pengeluaran perakuan pendaftaran.
6. Hak yang diberi oleh perakuan.
7. Permulaan dan lamanya hak.
8. Peruntukan-peruntukan khas mengenai vesel, pesawat udara dan kenderaan darat.
9. Kuasa Mahkamah Tinggi.
10. Pindaan terhadap spesifikasi dan lukisan.
11. Pendaftaran serahhak atau pemindahan.
12. Pendaftaran kemasukan-kemasukan tertentu.
13. Daftar Paten.
14. Pemeriksaan daftar dan spesifikasi.
15. Perakuan Pendaftar Paten atau Pendaftar Paten, Singapura, adalah keterangan *prima facie*.
16. Salinan diperakui sebagai keterangan.
17. Kuasa membuat peraturan-peraturan.
18. Pemansuhan dan pengecualian.

JADUAL—(Seksyen 6 dan 18).

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 215

AKTA PENDAFTARAN PATEN UNITED KINGDOM 1951

(Disemak—1978)

Suatu Akta bagi mengadakan peruntukan mengenai pendaftaran di Malaysia Barat surat-surat paten yang diberi di United Kingdom.

[1hb April 1953.]

P.U. Per.
107/53.

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pendaftaran Paten United Kingdom 1951.

Tajuk
ringkas dan
pemakaian.

(2) Akta ini terpakai di Malaysia Barat sahaja.

2. Di dalam Akta ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

Tafsiran.

“Malaysia Barat” mempunyai erti yang diberi kepadanya dalam seksyen 3 Akta Tafsiran 1967, dan meliputi Wilayah Persekutuan;

23/67.

“paten” ertinya surat-surat paten bagi sesuatu reka- cipta;

“Pendaftar Paten” ertinya orang yang dilantik atas nama atau jawatan sedemikian bagi maksud-maksud Akta ini oleh Yang di-Pertuan Agong;

“Pendaftar Paten, Singapura” ertinya orang yang sedang dilantik ke jawatan itu di bawah mana-mana undang-undang bertulis Singapura yang bersamaan dengan Akta ini.

3. Mana-mana orang sebagai penerima pemberian paten di United Kingdom atau mana-mana orang yang memperolehinya daripada penerima pemberian itu melalui serahhak, pemindahan atau kuatkuasa undang-undang yang lain, boleh memohon kepada Pendaftar Paten dalam masa tiga tahun daripada tarikh pengeluaran paten bagi membolehkan paten itu didaftarkan

Permohonan
bagi
pendaftaran
di Malaysia
Barat
paten
yang diberi
di United
Kingdom.

di Malaysia Barat. Jika serahhak atau pemindahan separa telah dibuat, semua pihak yang wajar hendaklah dimasukkan ke dalam permohonan bagi pendaftaran:

Dengan syarat bahawa Pendaftar Paten boleh, menurut budi bicaranya, menerima permohonan dibuktikan hingga memuaskan hatinya bahawa jika apa-apa sebab permohonan tidak boleh dibuat atas masa tiga tahun daripada tarikh paten dikeluarkan di United Kingdom.

Dokumen yang mesti disertakan dengan permohonan.

4. Setiap permohonan di bawah seksyen 3 hendaklah disertakan dengan salinan diperakui spesifikasi atau spesifikasi-spesifikasi (meliputi lukisan, jika ada) paten United Kingdom dan suatu perakuan Ketua Pengawas Rekabentuk Paten dan Cap Dagangan United Kingdom dengan memberi butir-butir penuh tentang pengeluaran paten mengenai spesifikasi atau spesifikasi-spesifikasi tersebut:

Dengan syarat bahawa, jika mana-mana paten United Kingdom telah didaftarkan di Singapura di bawah peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang bersamaan dengan Akta ini berkaitan dengan pendaftaran paten United Kingdom, Pendaftar Paten boleh, menurut budi bicaranya, mengenyahkan semua atau mana-mana daripada kehendak seksyen ini secara mutlak, atau tertakluk kepada syarat-syarat yang difikirkan patut untuk dikenakan.

Pengeluaran perakuan pendaftaran.

5. Apabila diterima permohonan bersama dengan dokumen-dokumen yang tersebut dalam seksyen 4, jika dikehendaki, dan fee permohonan, Pendaftar Paten hendaklah mengeluarkan perakuan pendaftaran.

Hak yang diberi oleh perakuan.

6. Perakuan pendaftaran sedemikian hendaklah memberi kepada pemohon keistimewaan-keistimewaan dan hak-hak yang sama dalam segala aspek dengan keistimewaan-keistimewaan dan hak-hak yang diberi oleh pengeluaran paten di United Kingdom, tetapi tertakluk, walau bagaimanapun, kepada apa-apa keistimewaan atau hak yang diperolehi mengikut mana-mana undang-undang bertulis yang dinyatakan di dalam Jadual atau di bawah mana-mana Ordinan atau Enakmen yang dimansuhkan oleh mana-mana undang-undang bertulis tersebut.

PENDAFTARAN PATEN UNITED KINGDOM

7. (1) Keistimewaan-keistimewaan dan hak-hak yang diberi sedemikian hendaklah bertarikh dari tarikh paten di United Kingdom dan hendaklah terus berkuatkuasa hanya setakat mana paten itu masih berkuatkuasa di United Kingdom :

Permulaan dan lamanya hak.

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa tindakan bagi pelanggaran boleh dipertimbangkan berkenaan dengan apa-apa pengilangan, penggunaan atau penjualan rekacipta itu terdahulu daripada tarikh pengeluaran perakuan pendaftaran di Malaysia Barat.

(2) Apa-apa lanjutan, luput, pembatalan dan pemulihan selepas luput di United Kingdom mana-mana paten yang didaftarkan di bawah Akta ini boleh diberi tahu oleh penerima pemberian paten tersebut atau mana-mana orang yang memperoleh hakmilik di bawahnya kepada Pendaftar Paten, yang hendaklah apabila dikemukakan suatu salinan yang diperakui arahan yang dikeluarkan oleh Pejabat Paten United Kingdom dalam masa satu tahun dari tarikh dikeluarkan, memasukkannya ke dalam Daftar Paten dan hendaklah mengeluarkan suatu perakuan di dalam borang yang ditetapkan berkenaan dengan kemasukan itu. Apa-apa lanjutan tempoh, atau pemulihan selepas luput, paten di United Kingdom hendaklah, apabila didaftarkan, mempunyai kuatkuasa di Malaysia Barat bagi melanjutkan tempoh paten bagi tempoh paten itu terus berkuatkuasa di United Kingdom.

(3) Walau apa pun peruntukan subseksyen (2), Pendaftar Paten boleh, menurut budi bicaranya, menerima suatu pemberitahuan di bawah peruntukan subseksyen tersebut, jika dibuktikan hingga memuaskan hati Pendaftar bahawa atas apa-apa sebab pemberitahuan tersebut tidak boleh dibuat dalam tempoh itu atau sebelum tarikh yang dinyatakan di dalamnya.

8. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2) dan (3) yang berikut tidak boleh disifatkan sebagai pelanggaran—

(a) penggunaan di atas vesel asing rekacipta yang telah dipatenkan di badan vesel atau di jentera, alat takal atau alat tambahannya yang lain, jika vesel itu masuk ke dalam perairan wilayah

Peruntukan-peruntukan khas mengenai vesel, pesawat udara dan kenderaan darat.

Malaysia untuk sementara atau secara tidak sengaja sahaja, dan rekacipta itu digunakan secara eksklusif untuk keperluan yang sebenar vesel itu;

- (b) penggunaan rekacipta yang telah dipatenkan dalam pembinaan atau penggerakan pesawat udara asing atau kenderaan darat asing atau alat tambahannya jika pesawat udara atau kenderaan itu masuk ke Malaysia untuk sementara atau secara tidak sengaja sahaja.

(2) Peruntukan-peruntukan seksyen ini terpakai hanya kepada—

(a) vesel, pesawat udara dan kenderaan darat United Kingdom;

(b) vesel, pesawat udara dan kenderaan darat negeri-negeri asing lain yang berkenaan dengan mana Yang di-Pertuan Agong boleh melalui pemberitahuan disiarkan di dalam *Warta* mengisytiharkannya sebagai dipakai, dan selama mana sahaja, di dalam hal vesel, pesawat udara dan kenderaan darat bagi tiap-tiap negeri asing tersebut, pemberitahuan itu terus berkuatkuasa berkenaan dengan vesel, pesawat udara dan kenderaan darat negeri itu.

(3) Bagi maksud-maksud seksyen ini—

(a) vesel dan pesawat udara hendaklah disifatkan sebagai vesel dan pesawat udara negeri di mana ianya didaftarkan, dan kenderaan darat hendaklah disifatkan sebagai kenderaan negeri di mana pemunyaanya biasanya bermastautin; dan

(b) “negeri asing” ertinya mana-mana negeri di luar Malaysia, dan hendaklah disifatkan sebagai meliputi mana-mana koloni, protektorat, wilayah yang tertakluk kepada kuasa atau di bawah pertuanan negeri asing, dan mana-mana wilayah yang ditadbirkan oleh negeri asing di bawah sistem peramanahan Bangsa-Bangsa Bersatu, dan “asing” hendaklah diertikan dengan sewajarnya.

9. (1) Mahkamah Tinggi adalah mempunyai kuasa, atas permohonan mana-mana orang yang mengatakan bahawa kepentingannya telah terjejas secara memudaratkan oleh pengeluaran perakuan pendaftaran, untuk mengisytiharkan bahawa keistimewaan-keistimewaan dan hak-hak eksklusif yang diberikan oleh pendaftaran perakuan tersebut telah tidak diperolehi atas apa-apa alasan *mutatis mutandis* di atas mana paten United Kingdom mungkin dibatalkan di bawah undang-undang yang sedang berkuatkuasa di United Kingdom.

Kuasa
Mahkamah
Tinggi.
[Gan. Ord.
P.T.M.
38/56.]

(2) Alasan-alasan sedemikian hendaklah disifatkan sebagai meliputi pengilangan, penyiaran, penggunaan atau penjualan rekapipta di Malaysia Barat sebelum tarikh prioriti yang dipakai bagi paten di United Kingdom, tetapi tidak meliputi pengilangan, penyiaran, penggunaan atau penjualan rekapipta itu di Malaysia Barat selepas tarikh prioriti yang dipakai bagi paten di United Kingdom dan sebelum tarikh pengeluaran perakuan pendaftaran di bawah seksyen 5.

(3) Bagi maksud-maksud seksyen ini, perbahaasan "tarikh prioriti" di dalam pemakaiannya terhadap paten di United Kingdom adalah mempunyai erti yang ditetapkan kepadanya di dalam seksyen 5 Akta Paten 1949 United Kingdom.

U.K. 10/49
c. 62.

10. Apabila spesifikasi atau lukisan-lukisan paten United Kingdom yang didaftarkan di Malaysia Barat telah dipinda dengan cara penolaktuntutan, pembetulan atau penjelasan, menurut undang-undang United Kingdom, suatu permintaan, yang disertakan dengan salinan spesifikasi dan lukisan-lukisan (jika ada) sebagaimana dipinda, yang diperakui dengan sewajarnya oleh Ketua Pengawas Rekabentuk Paten dan Cap Dagangan United Kingdom, boleh dibuat kepada Pendaftar Paten untuk menggantikan spesifikasi dan lukisan-lukisan yang asal difailkan dengan spesifikasi dan lukisan-lukisan sebagaimana dipinda:

Pindaan
terhadap
spesifikasi
dan lukisan.

Dengan syarat bahawa, dalam apa jua hal di mana kehendak seksyen 4 telah diketepikan di bawah proviso seksyen itu, apa-apa penggantian tersebut yang dilaksanakan dengan sahnya di Singapura oleh Pendaftar

Paten, Singapura, akan berkuatkuasa di Malaysia Barat seolah-olah ianya telah dilaksanakan oleh Pendaftaran Paten di bawah Akta ini.

Pendaftaran serahhak atau pemindahan. [Gan. P.T.M. Ord. 67/57.]

11. (1) Apabila mana-mana orang menjadi berhak melalui serahhak, pemindahan atau kuatkuasa undang-undang kepada keistimewaan-keistimewaan dan hak-hak yang diberi oleh perakuan pendaftaran atau kepada suatu bahagian di dalamnya atau menjadi berhak sebagai pemegang gadaijanji, pemegang lesen atau sebaliknya kepada apa-apa kepentingan lain di dalamnya, dia atau penyerahhak, penggadai janji, pemberi lesen atau mana-mana pihak lain kepada suratcara yang mewujudkan kepentingan tersebut boleh membuat permohonan dengan cara yang ditetapkan kepada Pendaftar bagi kemasukan ke dalam Daftar butir-butir serahhak, pemindahan, gadaijanji, lesen atau suratcara lain atau apa-apa kejadian yang menyentuh hakmilik atau memberikan kepentingan di dalamnya.

(2) Suatu dokumen yang berkenaan dengannya tiada kemasukan dibuat di dalam Daftar di bawah seksyen ini tidak boleh diterima di dalam mana-mana mahkamah sebagai keterangan hakmilik mana-mana orang terhadap keistimewaan-keistimewaan dan hak-hak yang diberi oleh perakuan pendaftaran atau terhadap apa-apa bahagiannya atau kepentingan di dalamnya melainkan jika mahkamah mengarahkan sebaliknya.

Pendaftaran kemasukan-kemasukan tertentu.

U.K. 1949 c. 62.

12. Jika suatu perakuan telah dikeluarkan oleh Ketua Pengawas Rekabentuk Paten dan Cap Dagangan United Kingdom, atau oleh mana-mana pegawai lain yang diberikuasa berbuat demikian, di bawah peruntukan seksyen 16 (8) Akta Paten 1949 United Kingdom, dan jika kemasukan di dalam Daftar Paten United Kingdom telah dibetulkan di bawah peruntukan-peruntukan subseksyen itu, suatu permohonan boleh dibuat kepada Pendaftar Paten berserta dengan suatu perakuan mengenai pembetulan itu di bawah meteri Pejabat Paten United

Kingdom atau suatu salinan diperakui perakuan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengawas bahawa kemasukan tersebut boleh dibuat di dalam Daftar, dan apabila menerima permohonan tersebut Pendaftar hendaklah membuat kemasukan yang perlu ke dalam Daftar.

13. (1) Maka hendaklah disimpan di pejabat Pendaftaran Paten suatu buku yang dipanggil Daftar Paten di dalam mana akan dimasukkan nama dan alamat semua orang yang kepadanya perakuan pendaftaran paten telah dikeluarkan di bawah Akta ini dan butir-butir mengenai semua perakuan dan serahhak, pemin-dahan, lesen dan suratcara-suratcara lain yang menyentuh hakmilik kepada atau yang memberi bahagian atau kepentingan di dalam hak-hak dan keistimewaan-keistimewaan yang diberi oleh mana-mana perakuan pendaftaran tersebut dan semua notis atau kemasukan dokumen atau perkara-perkara lain yang diarahkan atau dibenarkan oleh Akta ini atau oleh mana-mana peraturan yang dibuat di bawah seksyen 17 untuk direkodkan di dalamnya.

Daftar
Paten.
[Gan. Ord.
P.T.M.
67/57.]

(2) Daftar Paten adalah keterangan *prima facie* mengenai semua perkara yang diarahkan atau dibenarkan oleh Akta ini untuk dimasukkan ke dalamnya.

14. (1) Daftar Paten dan salinan diperakui spesifikasi (dan lukisan-lukisan, jika ada) yang difailkan dengan Pendaftaran Paten adalah pada masa-masa yang sesuai dibuka untuk pemeriksaan awam, dan salinan diperakui yang ditandatangani oleh Pendaftaran Paten mengenai apa-apa kemasukan di dalam Daftar tersebut hendaklah diberikan kepada mana-mana orang yang menghendakinya setelah fee yang ditetapkan dibayar.

Pemeriksaan
Daftar dan
spesifikasi.

(2) Tiada apa-apa jua di dalam seksyen ini boleh mempertanggungkan ke atas Pendaftaran Paten apa-apa tugas untuk mengadakan bagi pemeriksaan awam salinan spesifikasi atau lukisan-lukisan, berkenaan dengan mana-mana hal di mana kehendak-kehendak seksyen 4 telah diketepikan di bawah proviso seksyen itu.

Perakuan
Pendaftar
Paten atau
Pendaftar
Paten,
Singapura,
adalah
keterangan
prima facie.

15. Sesuatu perakuan berupa sebagai ditandatangani oleh Pendaftar Paten atau ditandatangani oleh Pendaftar Paten, Singapura, mengikut mana yang berkenaan, mengenai apa-apa kemasukan, perkara atau benda, yang Pendaftar Paten atau Pendaftar Paten, Singapura, dibenarkan oleh Akta ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya atau mana-mana undang-undang bertulis lain di Singapura yang bersamaan dengan Akta ini, mengikut mana yang berkenaan, untuk membuat atau melakukan, adalah keterangan *prima facie* tentang kemasukan yang telah pun dibuat dan mengenai kandungannya yang telah mengenai perkara atau benda telah dilakukan dan ditinggal tanpa dilakukan.

Salinan
diperakui
sebagai
keterangan.

16. Di dalam mana-mana prosiding di mana-mana mahkamah, salinan yang dicetak, ditulis atau fotografik atau cabutan mengenai atau daripada mana-mana salinan diperakui apa-apa spesifikasi, lukisan atau dokumen lain yang difailkan dengan Pendaftar Paten atau dengan Pendaftar Paten, Singapura, atau mengenai atau daripada daftar-daftar atau buku-buku lain di dalam jagaan Pendaftar Paten atau Pendaftar Paten, Singapura, boleh diterima di dalam keterangan tanpa bukti selanjutnya atau tanpa mengemukakan yang asal, jika—

(a) di dalam hal salinan diperakui spesifikasi, lukisan atau dokumen-dokumen lain yang difailkan dengan Pendaftar Paten atau daftar-daftar atau buku-buku di dalam jagaannya, salinan yang dicetak, ditulis atau fotografik atau cabutan yang berupa sebagai salinan yang diperakui sebagai salinan betul di bawah tandatangan Pendaftar Paten; atau

(b) di dalam hal salinan diperakui spesifikasi, lukisan atau dokumen-dokumen lain yang difailkan dengan Pendaftar Paten, Singapura, atau daftar-daftar atau buku-buku di dalam jagaannya, salinan yang dicetak, dituliskan atau fotografik atau cabutan yang berupa sebagai salinan yang diperakui sebagai salinan betul di bawah tandatangan Pendaftar Paten, Singapura.

17. Menteri boleh membuat peraturan-peraturan yang difikirkannya perlu bagi mengawal prosedur di bawah Akta ini dan bagi menetapkan borang-borang untuk digunakan dan fee untuk dibayar berkenaan dengan prosiding di bawah Akta ini.

Kuasa membuat peraturan-peraturan.

18. Undang-undang bertulis yang dinyatakan di dalam Jadual Akta ini adalah dimansuhkan :

Pemansuhan dan pengecualian.

Dengan syarat bahawa—

(a) berhubungan dengan mana-mana pemberian yang diserahsimpan atau dibuat di bawah peruntukan-peruntukan Enakmen Rekacipta Negeri-Negeri Melayu Bersekutu atau Enakmen Rekacipta Negeri Johor atau Ordinan Rekacipta Negeri-Negeri Selat atau mana-mana Enakmen atau Ordinan yang dimansuhkan oleh mana-mana Enakmen atau Ordinan tersebut atau berhubungan dengan mana-mana permohonan atau petisyen yang diserahsimpan atau dibuat di bawahnya bagi perlanjutan tempoh lamanya apa-apa pemberian, hak atau keistimewaan yang diberikan di bawahnya, peruntukan-peruntukan Enakmen atau Ordinan di bawah mana permohonan, petisyen, atau pemberian tersebut diserahsimpan atau dibuat adalah terus berkuatkuasa seolah-olah Akta ini belum diluluskan tetapi tertakluk di dalam setiap hal kepada pengubahsuaian-pengubahsuaian berikut—

*N.M.B.
Bab. 72.
Johor
En. No. 3.
N.N.S.
Bab. 158.*

- (i) dalam mengira apa-apa tempoh masa yang dihadkan bagi lamanya apa-apa pemberian atau hak atau keistimewaan yang diberi oleh Enakmen atau Ordinan tersebut tempoh di antara 15hb Februari 1942 dan 5hb September 1945 adalah tidak dikira;
- (ii) jika, di bawah mana-mana Enakmen atau Ordinan tersebut, apa-apa tempoh masa dihadkan bagi sesuatu permohonan atau bagi mengemukakan sesuatu petisyen bagi lanjutan tempoh lamanya apa-apa pemberian, hak atau keistimewaan yang diberi di bawahnya, adalah menjadi sah bagi pemohon atau sipetisyen untuk

memohon atau mengemukakan petisyen tersebut pada bila-bila masa dalam tempoh satu tahun dari tarikh Akta ini mula berkuatkuasa. Setiap permohonan atau petisyen tersebut hendaklah di-alamatkan kepada Pendaftar Paten yang hendaklah, tanpa menyentuh apa-apa yang terkandung di dalam mana-mana Enakmen atau Ordinan tersebut yang berlawanan, mempunyai kuasa bagi memberi perlanjutan tersebut di bawah Enakmen atau Ordinan tersebut. Setiap perlanjutan itu adalah mempunyai kesan dari tarikh pemberian perlanjutan tersebut melainkan Pendaftar mengarahkan sebaliknya;

- (b) peruntukan-peruntukan Ordinan Pendaftaran Paten United Kingdom 1937, bagi Negeri-Negeri Selat, Enakmen Pendaftaran Paten United Kingdom 1937, bagi Negeri Johor, Enakmen (No. 54) Rekacipta bagi Negeri Kedah dan Enakmen Rekacipta 1928, bagi Negeri Kelantan, adalah terus berkuatkuasa, di dalam Negeri-Negeri berkenaan, seolah-olah Akta ini belum diluluskan, berhubungan dengan apa-apa pemberian yang dibuat atau pendaftaran yang dilaksanakan di bawah mana-mana Ordinan atau Enakmen tersebut, di mana apa-apa hak atau keistimewaan eksklusif berkenaan apa-apa rekacipta atau paten telah diberikan.

N.N.S.
No. 2
Tahun 1937.
En. Johor
No. 7
Tahun
1937.
En. Kedah
No. 54
En.
Kelantan
No. 11
Tahun
1928.

JADUAL

(Seksyen 6 dan 18)

N.N.S. No. 2
Tahun 1937.

Ordinan Pendaftaran Paten United Kingdom 1937.

N.N.B.
Bab 72.

Enakmen Rekacipta.

En. Johor
No. 7
Tahun 1937.

Enakmen Pendaftaran Paten United Kingdom 1937.

En. Kedah
No. 54.

Enakmen (No. 54) Rekacipta.

En. Kelantan
No. 11
Tahun 1928.

Enakmen Rekacipta 1928.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 215

AKTA PENDAFTARAN PATEN UNITED
KINGDOM 1951

(Disemak—1978)

*Butir-butir di bawah seksyen 7 (ii) dan (iii) Akta
Penyemakan Undang-Undang 1968 (Akta 1)*

SENARAI PINDAAN

Undang-Undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuatkuasa dari
Ord. 38/56 ...	Ordinan Pendaftaran Paten United Kingdom (Pindaan) 1956	25-10-1956
Ord. 67/57 ...	Ordinan Pendaftaran Paten United Kingdom (Pindaan) 1957	19-12-1957
P.U. 332/58 ...	Perintah Perlembagaan Perse- kutuan (Pengubahsuaian Un- dang-Undang) (Ordinan dan Proklamasi) 1958	13-11-1938

SENARAI UNDANG-UNDANG ATAU BAHAGIANNYA
YANG DIGANTI

No.	Tajuk
9 Tahun 1951	Ordinan Pendaftaran Paten United Kingdom 1951.